B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 *Cerpen – Kuih Bakul Limau Mandarin*

Baca cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Lim Meng pernah mengadu kepada aku, orang kampung semuanya kompelin. Kaunaikkan harga barang sesuka hati. Kausorokkan barang sesuka hati. Apabila orang kampung datang beli, kau cakap gula dah habis. Padahal kausorokkan barang-barang itu di dalam stor dekat belakang kedai tapi pada suatu masa pula, kaukeluarkan dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Kaukaut untung daripada orang kampung, sampaikan orang kampung terpaksa berhutang dengan kau. Hutang itu pula kaukenakan bunga. Kau memang tak berhati perut kerana itulah perniagaan kaulingkup. Apabila orang kampung dah tak percaya akan kau dan perniagaan kau mula tak laku, kausalahkan kelahiran Lim Meng kerana Lim Meng lahirlah perniagaan kau rosak. *Tak ada onglah*. Macam-macam lagi kautuduh. Lim Meng tak bersalah. Yang bersalahnya diri kau sendiri."

Lim Pooi seolah-olah menelan sebutir-sebutir kata yang dimuntahkan dari mulut Sim Pau. Dia langsung tidak baran lagi. Ada riak sedar pada wajahnya. Lim Pooi tampak tidak keruan. Dia mula bangun dari kerusi malas dan menuju ke arah jendela nako yang terbuka luas. Malam itu tenang. Cahaya bulan samar di langit.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

1. Yang berikut merupakan sebab-sebab perniagaan Lim Pooi bankrap, **kecuali**
   - **A** Sim Pau melahirkan Lim Meng.
   - **B** Lim Pooi menjual barang dengan harga yang tinggi.
   - **C** orang kampung hilang kepercayaan terhadap perniagaan Lim Pooi.
   - **D** Lim Pooi mengenakan bunga yang tinggi terhadap hutang para pelanggan.

2. Mengapakah Lim Pooi menyorokkan barang-barang jualannya?
   - **A** Untuk mengelakkan barangnya daripada dicuri
   - **B** Untuk mengelakkan pelanggannya berhutang
   - **C** Supaya tidak diserbu oleh pihak penguat kuasa
   - **D** Untuk dijual dengan harga yang tinggi

3. Apakah tujuan Sim Pau memberitahu perkara tersebut kepada Lim Pooi?
   - **A** Supaya Lim Pooi memaafkan Lim Meng
   - **C** Supaya Lim Pooi membuka perniagaan kedai runcit
   - **D** Supaya Lim Pooi tidak mengulangi kesalahannya lagi
   - **B** Supaya Lim Pooi memohon maaf kepada orang-orang kampung

4. Yang manakah **bukan** perwatakan Lim Pooi berdasarkan petikan drama di atas?
   - **A** Tamak
   - **B** Pembohong
   - **C** Meninggi diri
   - **D** Mementingkan diri sendiri

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Praktis PT3 Prosa Tradisional – Asal Padi

Baca prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Pada zaman dahulukala hidup sepasang suami isteri yang sangat kaya. Mereka memiliki kerbau dan binatang ternakan lainnya yang tidak terbilang banyaknya. Harta benda mereka tidak ternilai harganya. Suami isteri itu mempunyai dua orang anak. Kedua-duanya anak lelaki.

Hatta, maka pada suatu waktu kedua-dua orang suami isteri itu meninggal dunia. Mereka meninggalkan dua orang anaknya itu yang masih kecil. Kedua-dua orang anak yatim piatu itu belum dapat mencari nafkahnya sendiri kerana mereka masih terlalu kecil. Segala ternakan dan harta benda peninggalan orang tuanya habis diambil oleh orang-orang jahat, sehingga kedua-dua orang anak yatim piatu itu melarat hidupnya. Hanya sebuah kolam ikan yang digali dan dibuat sendiri oleh ayahnya sahaja yang masih tinggal dan tidak dapat dicuri atau diambil oleh orang-orang jahat itu. Pusaka satu-satunya yang tinggal itulah yang selalu dijaga siang dan malam oleh kedua-dua orang anak yang malang itu. Anak yang sulung sudah agak besar, akan tetapi sayang sekali anak itu cacat. Kakinya kerekot, jari-jari kakinya tumbuh melekat satu sama lain, seperti kaki itik dan kedua- dua tumitnya berlubang.

Hatta, maka pada suatu hari pergilah Si Bongsu melihat-lihat ikan peninggalan orang tuanya. Didapatinya dekat kolam itu tujuh orang wanita baru sahaja selesai mandi dan sedang bersiap-siap untuk berangkat pulang. Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada tujuh orang wanita itu, "Jikalau tuan hamba tidak berkeberatan, perkenankanlah kiranya saya turut sama."

Jawab tujuh orang wanita itu, "Jikalau saudara mahu, apa salahnya. Kami tidak keberatan sama sekali. Akan tetapi saudara sendirilah yang mahu ikut dengan kami dan kami tidak berkeberatan."

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

1. Yang berikut ialah pusaka peninggalan ibu bapa Si Bongsu kepada Si Bongsu dan abangnya, **kecuali**
   - **A** kebun.
   - **B** ternakan.
   - **C** kolam ikan.
   - **D** harta benda.

2. Apakah permintaan Si Bongsu kepada tujuh orang wanita yang mandi di kolamnya?
   - **A** Mengikut tujuh orang wanita itu pulang
   - **B** Menghantar tujuh orang wanita itu pulang
   - **C** Meminta tujuh orang wanita itu tinggal bersamanya
   - **D** Membawa dia dan abangnya ke tempat tinggal tujuh orang wanita itu

3. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berkaitan dengan kecacatan anak yatim yang sulung.
   - **A** Kakinya kerekot.
   - **B** Kakinya ialah kaki itik.
   - **C** Kedua-dua tumitnya berlubang.
   - **D** Jari-jari kakinya melekat antara satu sama lain.

4. Apakah persoalan yang terdapat petikan prosa tradisional di atas?
   - **A** Penganiayaan terhadap anak yatim
   - **B** Kasih sayang ibu bapa terhadap anak
   - **C** Tanggungjawab adik terhadap abang yang cacat
   - **D** Penindasan terhadap golongan yang lemah

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS